

Kuan Yew jawab surat Abdullah

Um - 1/10/2006

SINGAPURA 30 Sept. - Pengasas Singapura moden dan Menteri Mentor Lee Kuan Yew telah menulis kepada Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai kenyataannya berhubung masyarakat Cina "dipingirkan" di Malaysia.

Setiausaha akhbarinya, YY Yeong berkata, surat itu sekarang berada di Suruhanjaya Tinggi Singapura di Kuala Lumpur, menurut laporan *Straits Times*.

"(Ia) sedia diserahkan secara peribadi kepada Perdana Menteri Abdullah Badawi," kata beliau.

Abdullah menulis surat kepada Lee minggu ini meminta penjelasan beliau berhubung kenyataannya yang mencetuskan kontroversi itu.

Lee, 83, memberitahu satu forum mengenai tadbir urus yang baik di sini pada 15 September bahawa sikap Malaysia dan Indonesia terhadap republik itu terbentuk mengikut cara mereka melayani masyarakat Cina mereka.

Kenyataan itu mencetuskan bantahan Malaysia dan Indonesia. Kementerian Luar kedua-dua negara telah memanggil wakil Singapura di negara masing-masing meminta penjelasan kenyataan Lee itu.